# LAPORAN SESI PEMILIHAN AHLI-AHLI PIHAK PEKERJA MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI PENGGAL 2013 HINGGA 2015

## 1.0 TUJUAN

Laporan ini disediakan bertujuan memaklumkan perjalanan sesi ***Pemilihan Ahli-Ahli Pihak Pekerja Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bagi Penggal 2013 hingga 2015*** yang telah dilaksanakan pada ***17 Januari 2013*** bertempat ***di Auditorium, Dewan Jubli Perak*** dan dihadiri oleh 51 orang pegawai/kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tempoh perlantikan Wakil-Wakil Pihak Pekerja Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi sesi 2011 hingga 2013 akan tamat pada 28 Februari 2013.

Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku urusetia MBJ telah mengadakan sesi pemilihan Ahli-Ahli Pihak Pekerja MBJ yang baru bagi penggal 2013 hingga 2015 ini.

2.2 **Perlembagaan MBJ** Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan seperti berikut: -

*"3.1 Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja Gred 48 dan ke bawah, bukan Ketua Bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (atau pekerja-pekerja itu sendiri)."*

*"3.3 Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan boleh terus memegang jawatan berkenaan sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dipilih atau dilantik."*

2.3 Pelantikan pegawai / kakitangan sebagai Ahli Pihak Pekerja MBJ bagi mewakili skim perkhidmatan masing-masing melalui keputusan undian dalam sesi pemilihan ini adalah **muktamad** memandangkan pelantikan ini adalah hasil undian / pilihan daripada para anggota sendiri dan pihak pegawai tidak mempunyai sebarang kuasa dan / atau hak untuk mengubah keputusan berkenaan.

## 3.0 PERJALANAN SESI PEMILIHAN

3.1 Sesi pemilihan Ahli-Ahli Pihak Pekerja telah dijalankan mengikut skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Setiap skim perkhidmatan boleh mencalonkan seberapa banyak calon yang dikehendaki dan proses pengundian akan dilaksanakan.

### 3.2 Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred 48

3.2.1 Proses pemilihan dimulakan dengan pemilihan **wakil pihak pekerja bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred 48**. Puan Juliana binti Borhan telah mencalonkan **Encik Mohammad Yusro bin Zainuddin Gred M41** dari Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.






3.3 **<u>Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pegawai/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29-F32</u>**

3.3.1 Berhubung pemilihan **Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pegawai/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29-F32**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Puan Rahayu binti Abdul Rahim. Beliau telah mencalonkan **Puan Tuan Zaharah binti Raja Soh Gred F32** dari Bahagian Teknologi Maklumat. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pegawai/Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29-F32.




3.4 **<u>Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Teknik J29</u>**

3.4.1 Mengenai pemilihan **Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Teknik J29**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Encik Izham bin Mohd Yusof. Beliau telah mencalonkan **Encik Norhisham bin Mamat@Zakaria J29** dari Bahagian Khidmat Pengurusan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Teknik J29.





3.5 **Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27-N36**

3.5.1 Berhubung **pemilihan wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27-N36**, pihak urus setia telah menerima tiga (3) pencalonan. **Puan Harlina binti Mohd Janip Gred N32** dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang dicalonkan oleh Puan Nor Sunatis binti Abdul Ghafor telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27-N36 berdasarkan kelebihan bilangan undian yang diterima oleh beliau.






3.6 **Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W27**

3.6.1 Berkenaan pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W27**, **Puan Fazlina binti Rosli Gred W27** dari Unit Kewangan dilantik sebagai wakil pihak pekerja skim perkhidmatan Penolong Akauntan W27 secara automatik memandangkan beliau seorang sahaja yang hadir dari skim perkhidmatan tersebut.



3.7 **<u>Pemilihan wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa N17</u>**

3.7.1 Mengenai **pemilihan wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa N17**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Encik Suzairi bin Mahmud. Beliau telah mencalonkan **Encik Mohd Salim bin Manaf Gred N17** dari Bahagian Penguatkuasa. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa N17.






3.8 **<u>Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17</u>**

3.8.1 Berhubung pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17**, **Puan Niah binti Haidar** dari Bahagian Khidmat Pengurusan dilantik sebagai wakil pihak pekerja skim perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 secara automatik memandangkan beliau seorang sahaja yang hadir dari skim perkhidmatan tersebut.






3.9 **<u>Pemilihan wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik Komputer FT17</u>**

3.9.1 Mengenai pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik Komputer FT17**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Encik Amir bin Hisham. Beliau telah mencalonkan **Puan Norashikin binti Abu Bakar Gred FT17** dari Bahagian Teknologi Maklumat. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik Komputer FT17.




3.10 **<u>Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17</u>**

3.10.1 Berkenaan pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik Gred J17**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Encik Hairunanuar. Beliau telah mencalonkan **Encik Mohd Roshaimi bin Hamid Gred J17** dari Unit Pengurusan Bangunan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Juruteknik J17.






## 3.11 Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pengawal Keselamatan KP11-KP17

3.11.1 Berhubung pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pengawal Keselamatan KP11-KP17**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan dari Encik Azman bin Mat Jaya. Beliau telah mencalonkan **Encik Zainuddin bin Zaini Gred KP11** dari Bahagian Khidmat Pengurusan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pengawal Keselamatan KP11-KP17.






## 3.12 Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17

3.12.1 Mengenai pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17**, **Encik Mohd Hanafee bin Md Yunus** dari Unit Pengurusan Bangunan dilantik sebagai wakil pihak pekerja skim perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17 secara automatik memandangkan beliau seorang sahaja yang hadir dari skim perkhidmatan tersebut.






3.13 **<u>Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan R3-R6</u>**

3.13.1 Berhubung pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan R3-R6** , pihak urus setia menerima satu (1) sahaja pencalonan dari Encik Batwarudin. Beliau telah mencalonkan **Encik Rafiee bin Sadini** dari Bahagian Khidmat Pengurusan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan R3-R6.






3.14 **<u>Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Tukang K1</u>**

3.14.1 Bagi pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Tukang K1**, pihak urusetia hanya menerima satu sahaja pencalonan sahaja bagi **Encik Ibrahim bin Sulaiman** dari Unit Pengurusan Bangunan. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Tukang K1.






3.15

3.16 **<u>Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) W17-W26</u>**

3.16.1 Berhubung pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) W17-W26**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan sahaja bagi **Encik Hazrien bin Aziz**. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) W17-W26.




3.17 **<u>Pemilihan Wakil Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat N1-N4</u>**

3.17.1 Berkenaan pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat N1-N4**, pihak urus setia hanya menerima satu sahaja pencalonan sahaja bagi **Encik Ahmad Kamal bin Mohd Ghazali**. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat N1-N4.






3.18 **<u>Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) N17-N26</u>**

3.18.1 Berhubung pemilihan **wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) N17-N26**, pihak urus setia memerlukan dua calon bagi skim perkhidmatan tersebut. Pihak urusetia telah melantik **Encik Rosdi bin Basir** yang telah dicalonkan oleh Encik Rashes bin Hamed dan **Puan Nur Azima binti Mat Ariifin** yang telah dicalonkan oleh Encik Azam bin Sarlan menjadi wakil pihak pekerja bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) N17-N26.




3.19 Proses pemilihan wakil bagi skim perkhidmatan **Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat N17-N36** dan **Pekerja Awam Gred R1 tidak dapat dijalankan** memandangkan ketiadaan wakil dari skim-skim perkhidmatan tersebut yang hadir pada sesi ini.

## 4.0 <u>HAL-HAL LAIN</u>

4.1 Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi mewakili pihak pekerja di tiga (3) jabatan gabungan dibuat melalui pemilihan oleh pegawai / kakitangan di setiap Jabatan tersebut masing-masing.

4.2 Berikut merupakan keputusan pelantikan Ahli Pihak Pekerja di tiga (3) jabatan berkenaan:-

i- **Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor :**
Puan Zaiyanah binti Zainuddin

ii- **Pejabat DYMM Sultan Selangor :**
Encik Mazlan bin Yahaya

**iii- Jabatan Mufti Negeri Selangor :**
Encik Sufiyan Hadi bin Sayuti

## 5.0 SYOR

Surat pelantikan sebagai Ahli Pihak Pekerja mewakili bagi pegawai / kakitangan yang dilantik melalui sesi pemilihan ini hendaklah dikeluarkan dan sesi pemilihan Pengerusi serta Setiausaha bagi Pihak Pekerja perlu diadakan dalam waktu terdekat ini.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : ……………………………………….
**( AZIMAH MOHD ZAINUDDIN )**
Penolong Pegawai Tadbir (Tatatertib)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Disemak dan disahkan : …………………………………………
**(MUHAMMAD SIDDIQ BIN MASROR)**
Penolong Setiausaha (Tatatertib)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia